

02/03/2003

Memancing boleh tarik pelancong: PM

Tuan Nazuri Tuan Ismail

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kegiatan memancing boleh dijadikan satu daripada rekreasi yang boleh menarik pelancong dalam dan luar negara.

Perdana Menteri berkata, keyakinan itu berdasarkan sambutan menggalakkan daripada kaki pancing yang menyertai sebarang pertandingan yang dianjurkan.

"Saya nampak pagi ini ramai yang berminat dengan memancing. (Tetapi) saya mengaku saya tidak ada kesabaran. Duduk situ, (sambil) pegang (joran), saya tidak ada kesabaran itu.

"Tetapi saya harap semua pemancing akan dapat tangkap banyak ikan. (Perairan negara) kita ada banyak ikan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Langkawi Lagoon Resort di Jalan Kuala Muda, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian sewaktu diminta pandangannya mengenai potensi kegiatan memancing dalam menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan negara.

Dr Mahathir sebelum itu melepaskan lebih 300 peserta pertandingan memancing Joran Perdana MK Land, dengan kerjasama Joran, akhbar sisipan Berita Harian di benteng pemecah ombak, bersebelahan hotel itu.

Beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kemudian mengambil kesempatan meluangkan masa kira-kira setengah jam untuk memancing.

Tetamu istimewa pertandingan itu turut diberi penerangan mengenai cara mengendalikan joran daripada beberapa marsyal yang bertugas mengawasi pertandingan itu.

Majoriti kaki pancing yang menyertai pertandingan itu adalah penduduk tempatan, manakala sebahagian lagi dari Pulau Pinang, Perlis, Alor Star, Perak dan Kuala Lumpur.

Pertandingan itu adalah antara pelbagai acara menarik yang diatur bermula kelmarin yang diadakan sempena pelancaran hotel bertaraf lima bintang milik MK Land Holdings Berhad itu.